

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Penyelia syarikat rugi RM27,000 diperdaya sindiket 'Phone Scam'  
Date : 27 August 2023  
Section : Tempatan  
Page : 7



# Penyelia syarikat rugi RM27,000 diperdaya sindiket 'Phone Scam'

**MIRI:** Seorang penyelia pengangkutan sebuah syarikat swasta di sini mengalami kerugian berjumlah RM27,000 selepas diperdaya sindiket 'Phone Scam' yang membuat panggilan mengaku sebagai rakannya.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu berkata kejadian mula berlaku Khamis lalu apabila mangsa lelaki berusia lingkungan 40-an menerima panggilan telefon memperkenalkan diri sebagai rakan mangsa menggunakan talian telefon baharu kerana mendakwa kehilangan telefon dan dompet.

"Suspek terbabit meminta bantuan berupa kewangan

daripada mangsa kerana mendakwa akaun banknya masih perlu dikemas kini.

"Mangsa membuat serahan wang secara dalam talian ke akaun bank diberikan oleh suspek sebanyak enam kali transaksi sehingga berjumlah RM27,000," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Bagaimanapun, penipuan itu terbongkar apabila mangsa kelmarin terserempak dengan rakan sebenar dan mendapat tahu rakannya itu tidak pernah kehilangan telefon dan dompet.

Berikutnya kejadian itu, mangsa baru menyedari dirinya tertipu oleh suspek

terbabit.

Justeru, Alexson menasihati orang ramai sentiasa berwaspada dengan mana-mana individu tidak dikenali membuat panggilan telefon secara tiba-tiba dan meminta bantuan kewangan tanpa melakukan semakan terlebih dahulu.

"Orang ramai dinasihatkan menghubungi National Scam Response Center (NSRC) di talian 997 jika menjadi mangsa penipuan siber seperti pinjaman tidak wujud, love scam, e-dagang, phone scam dan sebagainya sekiranya baru sahaja membuat transaksi pindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-dompet

suspek.

"Orang ramai boleh melakukan semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui Check Scammers CCID atau melalui laman web <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum melakukan sebarang transaksi kewangan," jelasnya.

Selain itu, orang ramai juga boleh berhubung dengan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (CCID) infoline melalui WhatsApp atau khidmat pesanan ringkas (SMS) di talian 013-2111222 bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat berhubung kes-kes jenayah dalam talian.